

Perkukuh nilai ringgit elak kesan harga minyak – Dr. Mahathir

Um - 16/3/2006.

Oleh HELMI MOHD FOAD

PUTRAJAYA 15 Mac – Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, nilai ringgit perlu diperkukuh bagi mengatasi masalah kesan kenaikan harga minyak mentah dunia ke atas harga minyak di pasaran tempatan.

Beliau menjelaskan, biarpun kenaikan harga minyak di negara ini tidak begitu tinggi, sebenarnya ada beberapa cara lain yang boleh dilakukan bagi mengelakkan keadaan itu.

“Saya fikir mata wang ringgit adalah berada di bawah nilai, jika kita memperkuatkan nilai mata wang, sebenarnya tidak perlu menaikkan harga minyak.

“Ini kerana dengan memperkuatkan nilai mata wang, harga minyak tidak akan naik dengan begitu tinggi,” katanya.

Beliau menyatakan demikian kepada pemberita selepas mengadakan pertemuan dengan barisan kepimpinan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Malaya di sini hari ini.

Dr. Mahathir ditanya mengenai keputusan kerajaan menaikkan harga minyak petrol dan diesel sebanyak 30 sen berkuat kuasa 28 Februari lalu berikutan kenaikan harga minyak mentah di pasaran dunia.

Kenaikan itu membolehkan kerajaan mengurangkan perbelanjaan subsidi minyak sebanyak RM4.4 bilion yang akan disalurkan bagi tujuan pembangunan lain untuk rakyat.

Dr. Mahathir menjelaskan, sebenarnya harga minyak mentah di pasaran dunia meningkat hingga 100 peratus iaitu daripada AS\$30 hingga AS\$70 setong.

“Namun di negara ini, kita tidak menggunakan cara menaikkan harga minyak, bagi kita itu bukan satu perkara yang biasa.

“Bagaimanapun di negara lain harga minyak sentiasa meningkat dan apabila harga minyak di pasaran naik, maka harga dalam negara juga akan dinaikkan,” katanya.

Dalam hal ini beliau berkata, harga



DR. MAHATHIR Mohamad beramah mesra dengan barisan kepimpinan Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Malaya selepas sesi dialog di Yayasan Perdana, Putrajaya, semalam.

Saya fikir mata wang ringgit berada di bawah nilai. Jika kita memperkuatkan nilai mata wang, sebenarnya tidak perlu menaikkan harga minyak

DR. MAHATHIR MOHAMAD
Bekas Perdana Menteri

minyak dalam negara mengalami kenaikan kerana peningkatan ketara akibat pergantungan besar terhadap nilai dolar Amerika Syarikat termasuk harga minyak mentah yang berasaskan kepada

mata wang tersebut.

“Sebaliknya, jika mata wang kita diperkukuhkan, harga minyak mentah yang naik dalam nilai dolar itu tidak akan memberikan kesan besar kepada

kenaikan minyak dalam nilai ringgit,” katanya.

Mengenai pertemuan beliau selama lebih satu jam dengan para pemimpin pelajar berkenaan, Dr. Mahathir berkata, beliau telah memberikan nasihat kepada mereka agar memberikan tumpuan kepada pelajaran.

“Saya nasihat suruh belajar, yang penting bukan sahaja pelajaran tapi pembentukan budaya yang sesuai dengan kejayaan dan nilai-nilai yang baik untuk diri mereka dan negara,” katanya.